

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 17.02.2025 MASA: 04.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM KEMPEN HENTIKAN PLASTIK SEKALI
GUNA (*NO SINGLE USE PLASTIC*)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**18 FEBRUARI 2025 (SELASA)
10.00 PAGI**

**GERAI MAKANAN PASAR AWAM TAMAN CHAI LENG, PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini bagi menjayakan **Program Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna (No Single Use Plastic)**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Perai, atas kesudian Yang Berhormat hadir bagi menyokong usaha ini serta memberi sokongan padu dalam menjayakan agenda hijau di negeri ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee, Pengerusi Pertubuhan Wanita Mutiara kerana sudi hadir merasmikan program ini, sekaligus menunjukkan komitmen jitu dalam memperjuangkan isu alam sekitar melalui Pertubuhan Wanita Mutiara.
4. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berbesar hati dapat bekerjasama dengan Pertubuhan Wanita Mutiara dalam menganjurkan

- kempen ini, yang bertujuan untuk menggalakkan masyarakat beralih kepada penggunaan bahan yang lebih lestari. Kempen ini memfokuskan kepada pemberian *Tiffin* (mangkuk tingkat) kepada peniaga gerai makanan sebagai alternatif kepada plastik sekali guna. Sebanyak 132 unit *Tiffin* akan diedarkan kepada peniaga di Gerai Makanan Pasar Awam Taman Chai Leng, Perai, dengan harapan agar amalan ini dapat diterapkan dalam kehidupan seharian.
5. Sebanyak 32 unit *Tiffin* akan diberikan kepada para peniaga dalam sesi program pada sebelah pagi, manakala baki 100 unit lagi akan disampaikan kepada peniaga dalam sesi program pada sebelah petang oleh Ahli Majlis MBSP. Inisiatif ini adalah manifestasi komitmen padu daripada Pertubuhan Wanita Mutiara dalam menyokong kempen kelestarian alam sekitar, sekaligus menggalakkan para peniaga untuk beralih kepada kaedah pembungkusan makanan yang lebih mesra alam.
 6. Bagi menjayakan program ini, taklimat pengasingan sisa di punca dan pemberian *flyers* berkenaan Program Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna (*No Single Use Plastic*) turut diberikan kepada peniaga gerai makanan yang terlibat. Hal ini juga sejajar dengan saranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempergiatkan aktiviti dengan memberi pendidikan dan kesedaran tentang menjaga alam sekitar melalui kempen ini.

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif dalam menangani pencemaran plastik sejak tahun 2019 melalui pelbagai inisiatif. Kempen ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik, straw minuman dan bekas makanan di premis makanan di seluruh Seberang Perai. Langkah ini bukan sahaja dapat mengurangkan pencemaran, malah dapat meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar.
8. Selain itu, kempen ini juga akan memperkenalkan konsep 8R, iaitu *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover and Recycle*, sebagai panduan untuk mengubah tabiat penggunaan harian ke arah yang lebih mesra alam. Dengan penglibatan aktif para peniaga, komuniti setempat dan para pengunjung, saya yakin usaha ini akan membawa hasil yang positif.
9. Saya berharap agar kempen ini menjadi satu titik permulaan ke arah perubahan yang lebih besar dalam gaya hidup masyarakat Seberang Perai. Kita semua bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran yang bersih, hijau dan mampan demi generasi akan datang. MBSP akan terus komited dalam usaha menjadikan bandaraya ini rendah karbon, selari dengan hasrat menjadikan **Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Pintar**.
10. Akhir kata, marilah kita bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan kejayaan kempen ini. Semoga segala usaha kita diberkati

dan memberi manfaat yang berpanjangan kepada masyarakat serta alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***